

## **Etiqa Term Secure Takaful – SOALAN LAZIM:**

**1. Apakah Etiqa Term Secure Takaful? Apakah perlindungan yang ditawarkan?**

Etiqa Term Secure Takaful merupakan satu pelan Takaful bertempoh 1 tahun, yang memberi perlindungan kematian dan hilang upaya menyeluruh dan kekal (HUMK). Sila rujuk kepada helaian pendedahan produk/ sijil Takaful/ sijil induk bagi pengecualian-pengecualian, serta terma dan syarat manfaat kematian dan HUMK yang terperinci.

**2. Siapakah yang sesuai untuk produk ini?**

Produk ini sesuai bagi individu yang mencari pelan perlindungan asas dengan kadar sumbangan yang berpatutan.

**3. Bagaimanakah saya tahu jumlah perlindungan yang diperlukan oleh saya di bawah pelan ini?**

Sila layari [https://www.mycoverage.my/kalkulator/perindungan\\_hayat\\_bertempoh](https://www.mycoverage.my/kalkulator/perindungan_hayat_bertempoh) untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang perlindungan yang anda perlukan dan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan berdasarkan pendapatan, perbelanjaan dan tanggungjawab kewangan semasa anda dengan kalkulator yang disediakan.

**4. Siapakah yang layak menyertai pelan ini? Bagaimana cara memohon?**

Pelan ini ditawarkan kepada Warganegara Malaysia yang juga ahli-ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berumur di antara 17 dan 70 tahun (umur pada hari jadi berikutnya), tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat KWSP.

Permohonan Etiqa Term Secure Takaful ini adalah melalui i-Akaun (Ahli) KWSP.

**5. Bolehkah saya membeli pelan ini melalui ejen?**

Pelan ini tidak ditawarkan melalui ejen. Tiada komisen dibayar ke atas pelan ini.

**6. Bolehkah warga asing menyertai pelan ini?**

Pelan ini hanya ditawarkan kepada warganegara Malaysia.

**7. Apakah itu umur pada hari jadi berikutnya?**

Penerimaan permohonan ini berdasarkan umur anda pada hari jadi berikutnya. Umur pada hari jadi berikutnya bermakna umur anda pada hari jadi seterusnya. Sekiranya anda telah menyambut hari jadi ke-30, hari jadi anda yang seterusnya adalah 31, jadi umur anda pada hari jadi berikutnya adalah 31 tahun.

**8. Berapakah jumlah perlindungan yang ditawarkan dan berapa lama tempoh perlindungan pelan ini? Bolehkah saya menyertai lebih daripada satu pelan Etiqa Term Secure Takaful?**

Ini adalah satu pelan Takaful bertempoh 1 tahun. Anda boleh memilih jumlah yang dilindungi serendah RM5,000, dengan setiap kenaikan RM5,000, sehingga RM100,000. Anda dibenarkan menyertai lebih daripada satu pelan ini, tertakluk kepada jumlah yang dilindungi maksimum sebanyak RM100,000 bagi setiap orang.

**9. Apakah itu penyertaan semula dan apakah manfaat ini? Apakah terma dan syarat penyertaan semula ini?**

Penyertaan semula mengizinkan anda untuk menyertai pelan ini dengan pengecualian ke atas terma-terma dan syarat-syarat tertentu di bawah pelan tersebut, dengan syarat Etiqa Term Secure Takaful anda yang sedia ada mencapai tarikh luput tanpa sebarang tuntutan.

Anda boleh memohon untuk penyertaan semula dalam masa 30 hari dari tarikh tamat tempoh, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat.

Sila rujuk kepada helaian pendedahan produk/ sijil Takaful/sijil induk bagi terma dan syarat penyertaan semula yang terperinci.

**10. Bolehkah saya mengubah jumlah yang dilindungi?**

Perubahan jumlah yang dilindungi adalah tidak dibenarkan selepas perlindungan sudah bermula.

**11. Adakah pemeriksaan perubatan diperlukan semasa permohonan?**

Tiada pemeriksaan perubatan diperlukan semasa permohonan pelan Etiqa Term Secure Takaful.

**12. Bagaimanakah jumlah sumbangan ditentukan?**

Anda akan dicaj jumlah tertentu tertakluk kepada umur anda (umur pada hari jadi berikutnya), jantina dan jumlah yang dilindungi yang dipilih semasa permohonan.

**13. Bagaimanakah cara untuk membayar dan apakah frekuensi pembayaran sumbangan bagi pelan ini?**

Anda hanya perlu membayar sumbangan tahunan sekali sahaja untuk perlindungan bertempoh 1 tahun. Pembayaran sumbangan adalah melalui pemotongan secara automatik dari Akaun 2 KWSP anda, tertakluk kepada term-terma dan syarat-syarat KWSP. Sila rujuk kepada laman web KWSP untuk terma-terma dan syarat-syarat yang terperinci.

**14. Adakah saya dapat menikmati lebihan?**

Bahagian lebihan yang boleh diagihkan daripada Dana Risiko Peserta (DRP) akan ditentukan dan diagihkan secara tahunan oleh kami. 50% daripada lebihan, jika ada akan dibayar kepada kami dan 50% lagi akan dikongsi di kalangan orang yang dilindungi yang layak.

**15. Bagaimanakah saya akan mendapatkan pengesahan bagi permohonan saya? Bilakah pelan perlindungan ini akan bermula?**

Pengesahan bagi permohonan anda adalah serta merta. Perlindungan akan bermula pada hari permohonan diterima tertakluk kepada sumbangan diterima oleh kami. Dokumen-dokumen sijil dan resit pembayaran akan dihantar melalui e-mel kepada anda.

Anda boleh melihat perlindungan bagi sijil yang aktif dari platform i-Lindung melalui i-Akaun (Ahli) KWSP. Selain itu, anda juga boleh dapatkan butiran sijil tersebut dengan muat turun aplikasi Etiqa *Smile* melalui App Store atau Google Play.

Sementara itu, pembayaran sumbangan yang tidak berjaya akan mengakibatkan sijil Takaful anda dibatalkan dari hari permohonan anda diterima.

**16. Bolehkah saya membatalkan atau menyerahkan pelan ini?**

Anda boleh membatalkan pelan ini dengan memaklumkan kepada kami secara bertulis dalam tempoh percuma 15 hari selepas sijil Takaful diterima oleh anda. Kami akan mengembalikan sumbangan anda ke Akaun KWSP anda. Sekiranya anda mencapai hari jadi ke-55, kami akan kreditkan pemulangan sumbangan ke dalam akaun bank anda.

Walau bagaimanapun, jika anda membatalkan pelan ini selepas 15 hari, anda mungkin layak untuk mendapat lebihan DRP, jika ada, dan nilai serahan seperti yang berikut, dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan bagi sijil Takaful ini.

$$(80\% \times \text{Sumbangan Tahunan}) \frac{\text{Bilangan baki hari sebelum ulang tahun yang berikut / tarikh tamat tempoh}}{\text{Bilangan hari dalam tahun permulaan}}$$

Anda boleh layari portal KWSP untuk melihat transaksi pembatalan atau serahan anda. Sekiranya anda telah mencapai hari jadi ke-55, transaksi pembatalan atau serahan anda mungkin tidak akan dipaparkan di portal KWSP dengan segera. Sementara itu, anda boleh menghantar e-mel kepada kami di [info@etiqa.com.my](mailto:info@etiqa.com.my), atau hubungi Etiqa Online di talian 1-300-13-8888 untuk sebarang pertanyaan mengenai transaksi anda. Live Chat 24-jam juga boleh didapati di laman web kami untuk sebarang pertanyaan.

**17. Siapakah yang akan menerima manfaat sekiranya saya mengalami kehilangan upaya secara kekal dan menyeluruh (HUMK) atau meninggal dunia dalam tempoh perlindungan?**

Anda boleh menamakan seorang individu atau lebih, untuk menerima manfaat atas kematian anda. Walau bagaimanapun, manfaat akan dibayar kepada anda sekiranya berlaku HUMK.

**18. Bagaimana membuat penamaan? Adakah wajib untuk saya membuat penamaan?**

Isikan borang penamaan yang boleh didapati di laman web [www.etiqa.com.my](http://www.etiqa.com.my). Tandatangankan borang penamaan yang telah dilengkapi, imbas dan hantar ke [getonline@etiqa.com.my](mailto:getonline@etiqa.com.my) atau hantar ke alamat pos Kami di Etiqa Family Takaful Berhad, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000, Kuala Lumpur. Live Chat 24-jam juga boleh didapati di laman web kami untuk sebarang pertanyaan.

Penamaan adalah tidak wajib. Namun, kami menggalakkan anda supaya membuat penamaan untuk mempercepatkan bayaran tuntutan kepada penama anda.

**19. Bagaimanakah untuk membuat tuntutan sekiranya kejadian yang dilindungi berlaku (kematian atau HUMK)?**

Untuk maklumat lanjut tentang bagaimana untuk membuat tuntutan dan dokumen tambahan yang diperlukan, sila layari <https://www.etiqa.com.my/v2/claims/life-family>. Kami boleh dihubungi melalui e-mel di [info@etiqa.com.my](mailto:info@etiqa.com.my) atau hubungi Etiqa Oneline di talian 1-300-13-8888.

**20. Apakah yang akan saya terima jika tiada tuntutan dibuat sepanjang sijil Takaful tempoh 1 tahun?**

Ini adalah pelan Takaful bertempoh yang tidak mempunyai manfaat matang.

**21. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya saya kehilangan atau tidak menerima dokumen sijil untuk pelan ini? Atau jika saya perlu mengemaskini maklumat peribadi dan butiran perhubungan?**

Anda boleh menghantar e-mel kepada kami di [info@etiqa.com.my](mailto:info@etiqa.com.my) atau hubungi Etiqa Oneline di talian 1-300-13-8888.

**22. Adakah saya layak menikmati pelepasan cukai ke atas sumbangan yang dibayar?**

Anda boleh menggunakan sumbangan Takaful yang dibayar bagi pelepasan cukai, seperti yang ditetapkan di dalam peraturan cukai Malaysia semasa dan tertakluk kepada kelulusan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

**23. Siapakah yang patut saya hubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut?**

Anda boleh menghantar e-mel kepada kami di [info@etiqa.com.my](mailto:info@etiqa.com.my), hubungi Etiqa Oneline di talian 1-300-13-8888, atau layari laman web kami di [www.etiqa.com.my](http://www.etiqa.com.my) untuk maklumat lanjut. Live Chat 24-jam juga boleh didapati di laman web kami untuk sebarang pertanyaan.